

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' DR MUJAHID YUSOF B. RAWA (PARIT  
BUNTAR)**

**TARIKH : 26 OKTOBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR] minta  
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan ancaman golongan penganas  
dan kaitannya dengan rangkaian luar negara.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Pendirian Kerajaan terhadap isu keganasan adalah sangat jelas, iaitu tidak menerima sebarang bentuk perlakuan atau tindakan yang melibatkan keganasan, sama ada yang dilakukan oleh seseorang individu atau sesebuah kumpulan.

Dari segi ancaman, Malaysia masih lagi selamat daripada sebarang serangan keganasan dan cubaan melakukan perbuatan keganasan kerana kecekapan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) sama ada dalam menghalang sebelum berlakunya sesuatu insiden keganasan atau langkah pencegahan awal deradikalisme kepada individu-individu yang dikenalpasti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keganasan merupakan salah satu jenayah rentas sempadan, justeru sebarang usaha untuk mewujudkan rangkaian keganasan di Malaysia akan dibanteras dengan segera, termasuk usaha menjadikan Malaysia sebagai transit ke wilayah yang berkonflik. Pihak PDRM sentiasa melakukan pemantauan ke atas mana-mana kumpulan dan individu yang didapati cuba menggugat keselamatan negara dan ketenteraman awam.

Selain itu, Kementerian juga turut mengadakan kerjasama antarabangsa bagi memastikan tiada sebarang serangan keganasan atau cubaan melakukan perbuatan keganasan antara lainnya seperti:

1. *ASEAN Senior Officials Meeting on Transnational Crime (SOMTC)*;
2. *ASEAN Regional Forum (ARF)*;
3. *ASEAN-Japan Dialogue on Counter-Terrorism*; dan
4. *Asia-Europe Meeting (ASEM)*.

Kementerian juga sedang membangunkan Pelan Tindakan Kebangsaan Bagi Mencegah Dan Menangani Fahaman Pelampau Keganasan (*National Action Plan to Prevent and Counter Violent Extremism, NAPPCVE*).